

## Bauksit: Felda tanam semula sawit, bela nasib 402 peneroka

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN | 7 Ogos 2022, 8:18 am



PENEROKA perlu menyediakan kos yang tinggi ekoran pokok kelapa sawit yang terlalu tinggi dan tidak produktif.

KUANTAN – Nasib 402 peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di Bukit Goh yang hilang pendapatan akibat perlombongan bauksit kini kembali menampakkan sinar apabila Felda sedia melakukan penanaman semula atau melaksanakan alternatif lain yang boleh memberi pulangan kepada peneroka.

Menurut kenyataan Jabatan Komunikasi Strategik Felda, pihaknya terbuka dengan cadangan alternatif yang boleh di-terokai jika tanam semula sawit terbukti tidak berbaloi untuk dilaksanakan berdasarkan kos pemulihan yang terlalu tinggi.

Namun, katanya, sebarang cadangan perlu diteliti dan dikaji mendalam supaya pulangan optimum diperolehi peneroka.

“Sekiranya kumpulan peneroka ini berhasrat melaksanakan tanam semula, Felda perlu mengkaji dan menilai se-mula kos tanam semula dan perlu mendapat persetujuan peneroka terutama melibatkan kos pemulihan tanah.

“Proses pemulihan perlu dilaksanakan kerana lapisan atas tanah telah dilombong dan perlu diganti dengan tanah bernutrien melibatkan kos tinggi serta dijangka mengambil masa lebih lama, ia perlu dilaksanakan berdasarkan keadaan terkini ladang,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



Baru-baru ini Kosmo! mela-porkan 402 peneroka Felda Bukit Goh kini terumbang ambing sejak aktiviti pengeluaran bauksit dihentikan enam tahun lalu.

Susulan itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md. Sohaimi Mohamed Shah berkata, kerajaan negeri memandang serius nasib peneroka terbabit.

Ekoran itu juga, Pengerusi Pertubuhan Gagasan 2 Generasi Kuantan (G2G), Jefri Salim berkata, pembangunan lembah solar terbesar di Asia Tenggara di situ menjadi salah satu penyelesaian kerana mampu memberikan pendapatan minimum RM3,000 sebulan pada peringkat awal kepada setiap peneroka.

Sementara itu mengulas mengenai isu berkenaan, kata kenya-taan itu, ia bermula pada 2014 selepas sekumpulan peneroka Bukit Goh menandatangani perjanjian dengan pihak tertentu untuk tujuan perlombongan bauksit di ladang mereka.

Pun begitu, katanya, perjanjian tanpa melibatkan pihak Felda tersebut bagaimanapun telah dihentikan atas arahan kerajaan.